

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

HGA 101 - Pengantar Geografi

Tarikh: 6 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan, **SATU(1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan kepentingan konsep-konsep berikut di dalam kajian Geografi:
 - (a) masa
 - (b) skala
 - (c) taburan reruang

2. (a) Jelaskan jenis-jenis wilayah
(b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi di dalam proses pengwilayahan?

BAHAGIAN B

3. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai **TIGA(3)** daripada yang berikut dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu:
 - (a) konsep manusia-ekonomi dan kelemahan konsep ini
 - (b) peta sebagai satu model
 - (c) aglomerasi dan kebolehsampaian sebagai faktor lokasi
 - (d) jarak mutlak dan jarak relatif
 - (e) faedah bandingan dan pengkhususan reruang

.../2

4. Model-model reruang hanya mementingkan pola reruang dan bukan proses reruang. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk khas kepada sama ada Model Von Thunen atau Model Weber.

BAHAGIAN C

5. "Alam sekitar manusia merupakan satu kompleks holocoenotik yang terdiri daripada berbagai faktor yang mempunyai saling hubungan yang rapat di antara satu sama lain." Bincangkan.
6. Jelaskan konsep determinisme alam sekitar. Bincangkan perkembangan-perkembangan di dalam bidang Geografi Moden yang menolak konsep ini.

BAHAGIAN D

7. Tuliskan tentang tajuk-tajuk berikut:
 - (a) konsep sistem terbuka
 - (b) ekosistem bumi
 - (c) imbangan sinaran (radiation balance)
8. Dengan berpandukan kepada kitaran litologi terangkan proses pemindahan tenaga di dalam pemusnahan, pengangkutan dan pembentukan batuan di bumi.

-ooo000ooo-